

# Lakuan Bahasa Berunsur Sindiran dalam Kandungan Video YouTube Sarawak, NgekTsaiArmy Official

JESSICA NUWIE ANAK JACKSON<sup>\*1</sup> & HAMIDAH ABDUL WAHAB<sup>\*2</sup>

<sup>1</sup>Sekolah Menengah Kebangsaan Subis, Miri, Sarawak, Malaysia; <sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*Corresponding authors: jessicanuwie98@gmail.com; awhamidah@unimas.my

## ABSTRAK

Sindiran lazimnya bersifat kiasan dengan penggunaan kata-kata tertentu, dan kadangkala kurang enak didengari disebabkan wujudnya unsur kejian atau celaan. Namun begitu, dalam sesetengah konteks, sindiran juga menjadi antara lakuan bahasa yang digunakan untuk membuat teguran, kritikan atau nasihat terhadap seseorang atau sekelompok individu berkaitan sesuatu isu. Kajian ini menganalisis lakuan bahasa sindiran dalam video *YouTube NgekTsaiArmy Official*. NgekTsai merupakan seorang pempengaruh media sosial atau *vlogger* yang terkenal dari Sarawak. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam menganalisis data daripada ujaran watak dalam video-video yang bertemakan kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, pekerjaan, dan budaya. Data kajian dihuraikan dengan berdasarkan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat empat jenis lakuan bahasa yang wujud dalam kandungan video *NgekTsaiArmy Official*, iaitu asertif, direktif, ekspresif, dan komisif. Sungguhpun lakuan bahasa ini mengandungi unsur-unsur sindiran, namun kebanyakannya diujarkan dengan tujuan menyedarkan masyarakat tentang isu-isu semasa yang berlaku, justeru memberi input berguna dan positif kepada umum. Selain menjelaskan aspek lakuan bahasa, budaya masyarakat dan dialek Melayu Sarawak juga ditonjolkan oleh NgekTsai dengan cara yang tersendiri dan menarik perhatian pelayar-pelayarnya.

Kata kunci: lakuan bahasa, sindiran, *YouTube*, NgekTsai, Melayu Sarawak, Dialek Melayu Sarawak

## ABSTRACT

Sarcasm typically uses particular phrases in a figurative sense, and occasionally contains insults or reproaches, which makes it unpleasant to hear. However, in certain context, sarcasm is also used to make remarks, criticism, or advice towards an individual or a group of people, related to an issue. This study analyses the use of sarcasm in NgekTsaiArmy Official YouTube videos, a channel managed by NgekTsai who is a famous social media influencer or vlogger from Sarawak. The method of content analysis is used in analysing data from the utterances of the characters in videos with themes of family, society, education, work, and culture. The data were analysed based on the Speech Act Theory (Searle, 1969). The findings of the study show that there are four types of language acts that exist in the *NgekTsaiArmy Official* videos, namely assertive, directive, expressive, and commissive. Although this language act contains elements of sarcasm, it is uttered mostly with the aim of making the public aware of current issues, thus providing useful and positive input to the public. In addition, the culture and dialect of the Sarawak Malay community are also highlighted by NgekTsai in a unique way that attracts the attention of its viewers.

Keywords: speech act, sarcasm, *YouTube*, NgekTsai, Sarawak Malay, Sarawak Malay dialect

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

## PENGENALAN

NgekTsai atau Zameen Saini merupakan seorang individu yang sangat kreatif dalam menyampaikan mesej menerusi video-videonya untuk tatapan masyarakat. NgekTsai mempunyai bakat lawak yang menepati selera tempatan dari Sarawak (Chin Hoe, 2017). Sebagai *vlogger* dan pempengaruh media sosial, NgekTsai sering menghasilkan video-video yang relevan dengan isu semasa. Kreativiti NgekTsai didapati tampil dalam beberapa watak dalam setiap videonya dan sering menjadi tular. Antara salah satu keunikan yang cukup menonjol dalam siri video yang dihasilkan oleh NgekTsai adalah dari segi bahasanya yang menggunakan dialek Melayu Sarawak. Kandungan videonya juga sangat unik kerana memaparkan sisi hidup dan budaya masyarakat Melayu Sarawak.

Dalam mengetengahkan idea dan mesejnya, NgekTsai memanfaatkan *YouTube* sebagai medium utama dan mengangkat tema-tema utama dalam masyarakat sekitar, misalnya pendidikan, kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, hubungan antara rakan sekerja, dan etika perlakuan sehari-hari. Sememangnya, menerusi medium ini, bahasa memainkan peranan penting sebagai perantaraan antara pemilik saluran *YouTube* dengan pelayarnya. Bahasa yang dimaksudkan tidak terhad kepada hantaran atau kiriman berdasarkan gambar atau isu yang diketengahkan, malah meliputi penggunaannya dalam kandungan video-video itu sendiri yang dicipta oleh pemilik saluran *YouTube*, sesuai dengan latar dan kandungan saluran tersebut.

Dari sudut skop kajian ini, beberapa penelitian berkenaan lakuan bahasa didapati telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020) misalnya meneliti bahasa sindiran dari perspektif lakuan bahasa Searle (1969) dalam halaman *Facebook Amran Fans*. Kajian tersebut mendapati bahawa lakuan bahasa sindiran disampaikan dalam bentuk lakuan asertif, komisif, ekspresif, dan direktif, sementara interpretasi ironi berdasarkan kepada kontekstual pragmatik dan hubungan antara pembicara dengan pendengar. Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) pula mengkaji lakuan bahasa dalam ceramah agama yang disampaikan oleh Ustazah Siti Nor Bahyah dan Ustaz Azhar Idrus. Berdasarkan penerapan teori lakuan bahasa Searle (1969), kedua-dua orang penceramah didapati menggunakan empat jenis lakuan bahasa, iaitu asertif, direktif, ekspresif, dan komisif, sebagai sebahagian daripada laras agama bagi keberkesanan dalam penyampaian ceramah.

Normah Ahmad, Amirah Ahmad dan G. Sharina Shaharuddin (2020) pula memfokuskan lakuan bahasa permintaan dalam kajian melibatkan pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam dalam lima domain, iaitu kekeluargaan, rakan sebaya, status sosial rendah-tinggi, status sosial tinggi-rendah, dan jarak sosial awam. Kajian tersebut turut menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969) dalam analisis data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para pelajar Melayu menerapkan penggunaan urutan permintaan yang jelas dalam menyampaikan lakuan bahasa permintaan mengikut konteks situasi dan domain tertentu.

Kajian oleh Abd Ganng Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak (2019) memfokus kepada lakuan ekspresif melibatkan 40 artikel Tun Mahathir Mohamad dalam laman blog Chedet. Analisis berdasarkan teori lakuan bahasa Searle (1969) mendapati lakuan ekspresi merupakan ujaran paling sedikit berbanding dengan kategori lakuan bahasa yang lain, seperti pernyataan dan kritikan. Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) pula meneliti lakuan direktif, iaitu salah satu lakuan dalam teori lakuan bahasa Searle (1969), dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. Penelitian tersebut dijalankan dalam komunikasi di dalam bilik darjah sewaktu guru pelatih mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Lakuan bahasa direktif merupakan antara lakuan yang kerap digunakan dalam kalangan guru pelatih sewaktu mengajar.

Abd Ganng Laengkang (2018) menerapkan kerangka lakuan bahasa oleh Bach dan Harnish (1979) dalam menganalisis teks khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Berdasarkan enam teks khutbah dari bulan Februari sehingga April 2018 yang diteliti, lakuan bahasa yang paling kerap ditemukan ialah nasihat, diikuti deskriptif, makluman, dan penegasan. Kajian Abd Ganng, Ab Razak Ab Karim dan Riduan Makhtar (2019) pula menganalisis lakuan bahasa kritikan dalam forum Siri Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karangkraf Sdn. Bhd. Dengan menerapkan kerangka lakuan bahasa Austin (1962), didapati bahawa wujud dua lakuan kritikan yang dominan, iaitu kritikan langsung dan kritikan umum. Dari sudut kesantunan, kedua-dua bentuk kritikan masih tergolong dalam kerangka Islam kerana tiada penggunaan kata-kata kesat dan penghinaan ditemukan terhadap seseorang.

Memandangkan penggunaan bahasa dalam kalangan penutur Sarawak juga mewarnai fenomena kebahasaan semasa, maka kajian ini bertujuan mengkaji lakuan bahasa yang wujud dalam kandungan *YouTube* NgekTsai, iaitu *NgekTsaiArmy Official*. Kajian ini wajar dijalankan untuk menjelaskan aspek lakuan bahasa yang wujud dalam sisi budaya Melayu Sarawak. Menerusi video-video yang dimuat naik oleh NgekTsai, gaya sindiran merupakan antara lakuan bahasa yang sinonim dikesan. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1965), bahasa sindiran merupakan ujaran yang ditujukan kepada seseorang secara berkias dan tidak tepat, iaitu mempunyai makna yang bertentangan daripada ujaran tersebut. Contohnya, sekiranya seseorang mengatakan kesalahan orang lain, dia tidak akan menyebutnya secara langsung atau secara terang-terangan malah disebut sama ada dalam bentuk sindiran atau berkias yang merujuk ke arah perbuatan tersebut. Lakuan bahasa sindiran diuraikan dengan lebih mendalam dalam kajian ini dengan menggunakan kerangka lakuan bahasa Searle (1969). Video-video yang diteliti berkisar kepada tema-tema seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, budaya, dan pekerjaan.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan, dengan memanfaatkan video *YouTube NgekTsaiArmy Official* yang bertemakan kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan, budaya, dan pekerjaan. *YouTube* lazimnya dijadikan sebagai wadah bagi setiap orang dalam menyampaikan maklumat, mengekspresikan perasaan suka, gembira, mahupun sedih yang dialami. Menerusi tema yang dinyatakan, NgekTsai dilihat telah menggarap idea dalam video pendeknya yang bersifat komedi, namun menyelitkan kisah dan isu-isu semasa yang bersifat sohor serta diperkatakan secara meluas dalam ruang maya.

Data kajian diperoleh daripada 10 video berdurasi antara dua hingga sembilan minit menerusi saluran *YouTube NgekTsaiArmy Official* dalam tempoh 2018 sehingga 2020. Setiap video yang dimuat naik oleh NgekTsai mempunyai mesej yang tersirat dan tersurat terhadap sesuatu maklumat atau isu, yang secara tidak langsung menunjukkan pelbagai fungsi komunikatif dalam penggunaan bahasa. Walaupun nampak bersahaja, lakonan-lakonan yang ditonjolkan oleh NgekTsai dalam pelbagai watak (misalnya NgekTsai, Cik Kembang, Monyeng, Kesyar, Mak Tanggang) yang semuanya dilakonkan oleh hanya seorang individu, iaitu dirinya sendiri, ternyata dipersembahkan dengan cermat, menggunakan dialek Melayu Sarawak (DMS), berserta bahasa badan, nada suara dan mimik muka yang tersendiri, justeru meninggalkan kesan dalam hati penonton. Jadual 1 menunjukkan video NgekTsai yang dimanfaatkan dalam kajian ini:

**Jadual 1.** Senarai video kajian daripada *YouTube NgekTsaiArmy Official*

Bil.	Tajuk video	Durasi
1.	Menantu vs Mertua	7.42 minit
2.	Pekerja kaunter vs Customer	7.24 minit
3.	Student vs Netizen	8.08 minit
4.	Mengajar Monyeng membuat kerja rumah musim PKP!	4.30 minit
5.	Pengamal ajaran kaki ampu!	5.09 minit
6.	Batu belah batu bertangkup	2.47 minit
7.	Mash up! 5 isu full	2.00 minit
8.	PKP 2 EP 1 Perniagaan yang tak diberkati!	3.50 minit
9.	PKP 2 Finale! Kebaikan yang disalah erti!	5.18 minit
10.	Sejenis penghutang yang tiada kemaluan	5.06 minit

Lakuan bahasa merupakan tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang diujarkan mengandungi tindakan, antaranya berjanji, menggesa, menasihati, menegaskan, melaporkan, dan menyimpulkan. Apabila seseorang melakukan pertuturan, sebenarnya dia telah melakukan sesuatu bentuk lakuan (Searle, 1969). Teori lakuan bahasa Searle (1969) didapati banyak digunakan dalam kajian lepas, misalnya dalam kajian Nur Atikah Ibrahim dan Maslida Yusof (2020), Normah Ahmad, Amirah Ahmad, dan G. Sharina Shaharuddin (2020), Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019), Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron dan Ab Razak (2019), dan Zanariah Ibrahim, dan Maslida Yusof dan Karim Harun (2017). Lantaran teori ini didapati dapat menghuraikan data dari sudut lakuan bahasa dengan berpada, maka teori ini diterapkan dalam analisis data ujaran video *NgekTsaiArmy Official*, sesuai dengan tujuan kajian yang digariskan.

Lakuan bahasa ini membincangkan perkara yang berkaitan perlakuan pertuturan manusia. Penekanan lakuan ini adalah pada tujuan, keinginan, atau maksud penutur dalam menghasilkan ujaran performatif. Ujaran performatif berlaku apabila penutur melakukan sesuatu dalam ujaran atau pertuturan dan bukan hanya mengujarkan sesuatu, namun pada masa yang sama melakukan perbuatan yang dimaksudkan oleh ujaran itu (Searle, 1969). Jadual 2 menunjukkan jenis lakuan bahasa yang digagaskan oleh Searle (1969).

**Jadual 2.** Jenis Lakuan Bahasa Searle (1969) berserta contoh

Jenis Lakuan Bahasa	Ciri-ciri	Contoh Bahasa Sindiran
1. Asertif	Ungkapan kebenaran proposisi dan nilai benar dan merupakan ujaran yang digunakan untuk menghuraikan bentuk hubungan ( <i>state of affairs</i> ).  Contoh: menyimpulkan, menyatakan, menegas, bersumpah, mengadu, menafikan, mengaku	“Aku seorang sahaja bekerja macam nak mampus.”

2. Direktif	Menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuat pendengar melakukan sesuatu.  Contoh: menasihat, meminta, mengarah, melarang, mencadangkan, mendesak, mengesyorkan	<i>"Uih. Uih. Uih. Ni politik ni. Bahaya. Nanti kena tarik scholarship."</i>
3. Ekspresif	Merupakan perlakuan tutur bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau emosi.  Contoh: memohon maaf, mengucap terima kasih, mengucap tahniah, mengucapkan takziah, mengucap selamat datang, membuat bantahan, kemarahan	<i>"Tahniah, sebab berjaya mencurangi saya! Harap bahagia lah yer. Ada hati nak berbini dua."</i>
4. Komisif	Merupakan jenis perlakuan tutur bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang.  Contoh: berjanji, sumpah, akad, jaminan, berikrar	<i>"Saya bersumpah akan mencintai awak sampai mati! Pandai bermadah ja tapi janji macam apa."</i>
5. Deklaratif	Merupakan lakukan bahasa yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa.  Contoh: perlantikan, menamakan, meletak jawatan, menyerah (kalah), mengisyiharkan	<i>"Rupa-rupanya Pak Khatib yang mengumumkan perlantikan penghulu tadi menuju ke arahnya."</i>

## DAPATAN KAJIAN

Kepelbagaiannya kandungan yang meliputi pelbagai isu semasa seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, budaya, pendidikan, dan pekerjaan yang dimuat naik oleh NgekTsai menerusi saluran *YouTube* beliau didapati menggambarkan luahan sebenar masyarakat terhadap sesuatu isu yang berlaku di negara ini. Menerusi kandungan yang diketengahkan, unsur sindiran didapati sangat meluas dalam lakukan-lakukan bahasa yang digunakan. Unsur sindiran dalam topik-topik ini dihuraikan dengan lebih lanjut menggunakan kerangka lakukan bahasa Searle (1969). Kategori lakukan bahasa yang ditemukan dalam kajian ini ialah asertif, direktif, ekspresif, dan komisif.

### Lakukan Bahasa Asertif

Lakukan bahasa asertif merupakan jenis perlakuan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi yang diungkapkan dan lakukan ini membawa nilai benar terhadap ungkapan tersebut. Lakukan ini juga mengungkapkan kepercayaan penutur dan mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran ujaran yang dilafazkan. Antara fungsi asertif termasuklah menyatakan, mendapatkan maklumat, menafikan, menyarankan, melaporkan, dan mengandaikan.

Beberapa jenis lakukan asertif yang ditemukan dalam kandungan video *NgekTsaiArmy Official*, adalah seperti menyatakan, mengadu, menegas, menyimpulkan, menafi, dan mengaku. Jadual 3 menunjukkan lakukan bahasa asertif berserta contoh.

**Jadual 3.** Lakuan bahasa asertif dengan fungsi “menyatakan”

Lakuan Arsertif (menyatakan)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 1 (LA1)	<p><i>“Dah bangun tek menantu belasan ribu, tuan permaisuri, intan payung, raja segala maharani dalam rumah tok? Dah bangun?”</i>            Sudah bangunkah menantu belasan ribu, tuan permaisuri, intan payung, raja segala maharani dalam rumah? Sudah bangun?</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Menantu vs Mertua</i>)</p>
Data 2 (LA2)	<p><i>“Oh benar, jadi kau harus tauk juak bahawa sik da signboard menunjukkan aku sik boleh datang sitok, sik boleh terkekek-kekek di sitok!”</i>            Ya betul, jadi kamu juga harus tahu bahawa tidak ada papan tanda menunjukkan saya tak boleh datang ke sini, tidak boleh untuk ketawa terbahak-bahak di sini!</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Student vs Netizen</i>)</p>
Data 3 (LA3)	<p><i>“Kenak kitak tok bebal gilak Monyeng, makan semut kah?”</i>            Kenapa kamu ini kurang cerdik sangat Monyeng, makan semut kah?</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Mengajar Monyeng membuat kerja rumah musim PKP!</i>)</p>

Data 1 (LA1), menunjukkan lakuan bahasa asertif yang berfungsi untuk menyatakan sesuatu yang menuju kepada seseorang (pendengar). Dalam ujaran ini, penutur yang melakonkan watak sebagai ibu mentua diberi nama Cik Kemban menyatakan sesuatu dalam bentuk sindiran tentang menantunya. Babak yang berlaku dalam video ini memaparkan menantu Cik Kemban yang bangun lewat dan tidak melakukan pekerjaan sebagai seorang isteri kepada suaminya, NgekTsai. Jadi, Cik Kemban berasa sangat geram dengan kelakuan menantunya kerana sikap yang ditonjolkan tidak setanding dengan hantaran ribuan ringgit dan berlagak seperti permaisuri di rumah tersebut. Lakuan asertif yang ditunjukkan oleh Cik Kemban dalam ujaran ini diujarkan dengan unsur sindiran tajam dan kasar bahawa menantunya yang suka bangun lewat dan dianggap tidak menghormati dirinya sebagai mentua.

Ujaran data 2 (LA2) pula menggambarkan sifat individu yang tidak menghormati antara satu sama lain, terutamanya apabila anak muda bercakap dengan orang yang lebih tua. Situasi dalam video ini menceritakan babak seorang pelajar universiti sedang mengulang kaji pelajaran di sebuah restoran *McDonald's*. Tidak lama kemudian, datang seorang wanita ketawa terbahak-bahak membuatkan pelajar tersebut menegur dengan nada yang tinggi dan kasar ketika wanita itu sedang lalu di depan meja makan kerana mengganggu belajar. Wanita tersebut terus mengeluarkan ujaran sindiran yang menyatakan tempat itu tidak mempunyai papan tanda yang menunjukkan bahawa dia tidak boleh ketawa. Sindiran yang dituturkan oleh wanita tersebut mengandungi unsur sinisme, iaitu bahasa sindiran yang ditujukan kepada seseorang secara kasar. Penggunaan unsur sinisme bertujuan untuk menyindir dengan kata-kata kasar sehingga boleh menimbulkan kemarahan terhadap penerima bahasa sindiran tersebut.

Babak video menerusi data 3 (LA3) seterusnya menceritakan suasana pembelajaran yang berlaku ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga menyebabkan para pelajar terpaksa menjalani sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dari rumah. Bahasa sindiran yang dituturkan dalam babak ini mempunyai elemen sarkasme yang bertujuan memarahi seseorang dengan kata-kata kasar, contohnya “*makan semutkah?*”, yang ditujukan kepada Moyeng kerana Cik Kemban mempersoalkan kemampuan Moyeng dalam mempelajari sesuatu. Keraf (2007) menyatakan bahawa sarkasme merupakan ujaran yang mengandungi kepahitan dan celaan kasar dan keras. Maka, ujaran sindiran oleh Cik Kemban yang menyatakan Monyeng kurang berpengetahuan dalam menjawab kerja sekolah yang diberikan oleh cikgunya adalah sindiran kasar.

**Jadual 4.** Lakuan bahasa asertif dengan fungsi “mengadu”

Lakuan Arsertif (mengadu)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 4 (LA4)	<p><i>“Cuba realiti masyarakat kita tok bertamadun berakal sikit tau sik, ibuh contoh lain lah, kita empun tempat tok masuk ja kaunter, zoom! Terus ke kaunter! Sik da nya baca enda tulis pintu ya, arahan dah prosedur besar-besar nang besar pintu di tulis, baca lah dolok!”</i>            Cubalah dalam realiti masyarakat kita ini lebih bertamadun, tak perlu contoh lain, tempat masuk terus ke kaunter, zoom! Terus ke kaunter! Tak ada mereka nak membaca tulisan atau arahan pada pintu masuk. Sudah terang-terang ditulis, bacalah dulu!</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Pekerja kaunter vs customer</i>)</p>

Data 5 (LA5)	<p><b><i>“Kau ya anggap diri mpun boss aja, kerja semua aku polah! Kak ya kau dapat nama!”</i></b></p> <p>Awak tu anggap diri sendiri bos, kerja semua saya yang buat! Lepas tu, awak yang dapat nama!</p>
	<p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Pengamal ajaran kaki ampu!</i>)</p>

Data 4 (LA4) dalam Jadual 4 menunjukkan ujaran asertif jenis mengadu kepada seseorang pendengar atau orang kedua. Penutur menutur ujaran tersebut kerana ingin menyuarakan pandangan tentang segelintir masyarakat yang kurang beretika ketika berada di pusat perkhidmatan atau kaunter perbankan. Fungsi ujaran ini adalah untuk menerangkan sikap masyarakat yang dianggap tidak bertamadun kerana tidak membaca prosedur yang ditetapkan di tempat tersebut. Ujaran yang diungkapkan oleh penutur ialah ujaran berbentuk sindiran untuk menegur.

Data 5 (LA5) pula menunjukkan watak dalam situasi pekerjaan yang dilakukan oleh Kesyar sebagai kerani di sebuah syarikat yang sering dibuli oleh rakan sekerjanya untuk membuat kerja mereka. Pada suatu hari, Kesyar mengadu kepada pengurus syarikat tersebut dan menyindir dengan bahasa kasar kepada rakan sekerjanya itu. Semua kerja yang diamanahkan oleh pengurus syarikat kepada rakan sekerjanya itu diberikan kepada Kesyar. Akan tetapi, apabila pengurus syarikat memantau perkembangan pekerjaan stafnya, rakan sekerja Kesyar akan berpura-pura rajin dan mengatakan bahawa tugasnya itu dilakukan dengan baik, padahal semua tugas tersebut dilakukan oleh Kesyar. Hal ini menyebabkan Kesyar meluahkan perasaan dan mengadu dalam nada sindiran dan tidak berpuas hati kerana kerjanya tidak pernah dihargai, bahkan sentiasa dibuli.

### Lakuan Bahasa Direktif

Direktif ialah tutur bahasa yang menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuat pendengar melakukan sesuatu. Kuasa ujaran direktif menghasilkan kesan tertentu yang dapat dilihat melalui tindakan dan respons yang ditunjukkan oleh pendengar. Kesan tersebut mungkin berbentuk satu paksaan dan tegahan yang mesti dipatuhi oleh pendengar atau sebagai pengajaran oleh pendengar. Antara lakuan bahasa direktif yang ditemukan dalam saluran *YouTube NgekTsaiArmy Official* termasuklah menasihat, mengarah dan mencadangkan.

#### Jadual 5. Lakuan bahasa direktif dengan fungsi “menasihati”

Lakuan Direktif (menasihati)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 6 (LD1)	<p><b><i>“Kau ya, maka dah begaji nda pa marek beli barang masak di rumah lebih jimat gik dari kau keluar bedapur di luar nun, buang duit.”</i></b></p> <p>Awak tu, sedangkan sudah bergaji tak pernah nak membeli barang dapur di rumah lebih jimat lagi daripada kamu keluar makan di luar sana, basir duit!</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: Menantu vs Mertua)</p>
Data 7 (LD2)	<p><b><i>“Hello, the so called nembia up to-date! Tu bukan zaman suba, zaman mensia, zaman nenek moyang marek bukan. Kinek tok rata-rata orang ada handphone, lamak gi kamek tok orang tua ada menu baru di sitok, start kereta jalan, beli terus, kamek orang ada duit, kamek bekereja bah. Tapi, tau la kitak orang ada tabung pendidikan, kitak orang beli benda-benda macam tok, pakai tabung pendidikan tapi dah kelak tabung pendidikan pake benda bebeli cam tok, jangan lupa bayar, ibuh merik malu!”</i></b></p> <p>Hai, inilah budak baru nak menyerlah! Ini bukan zaman dulu, zaman purba, bukan zaman nenek moyang. Sekarang ini rata-rata orang ada telefon bimbit, kami pun sudah lama tahu menu apa yang terbaru, hidupkan enjin kereta terus jalan, beli terus, kami pun ada duit sendiri dan sudah bekerja. Tapi, tahulah kamu ada membuat pinjaman tabung pendidikan untuk kamu beli makanan macam ini. Sudah meminjam macam ini, jangan lupa bayar, tak payah bagi malu!</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: Student vs Netizen)</p>

Data 6 (LD1) dalam Jadual 5 berfungsi untuk menyatakan nasihat. Dengan tema kekeluargaan, iaitu kehidupan berumah tangga, babak dalam video “Menantu vs Mertua” ini mengisahkan isteri NgekTsai mengajak suaminya untuk makan di luar setelah mendapat gaji pada hari tersebut, akan tetapi dihalang oleh Mak Tanggang. Mak Tanggang sebenarnya menyindir menantunya supaya berjimat cermat dengan membeli barang dapur dan memasak di rumah daripada membazir duit dengan makan di luar.

Data 7 (LD2) juga memperlihatkan ujaran menasihat. Ujaran ini berbentuk sindiran yang memberi nasihat dan memberi tunjuk ajar kepada seseorang. Dengan nada yang tinggi, watak wanita dalam video tersebut menasihati seorang pelajar yang tidak menghormati orang tua ketika bercakap. Selain menyebut tentang senario kehidupan semasa, wanita tersebut memberi peringatan kepada pelajar tersebut supaya tidak melupakan tanggungjawab untuk membayar semula pinjaman pendidikan yang telah diperolehnya.

**Jadual 6.** Lakuan bahasa direktif dengan fungsi “mengarah”

Lakuan Direktif (mengarah)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 8 (LD3)	<p><b><i>Bila cikgu nganuk nembiak, kelak mak bapa report polis, kinek dah tahu perangai anak, baruk nak disua ke cikgu. Sekarang rasakanlah yer, didiklah anak awak dari rumah.</i></b></p> <p>Apabila cikgu marah pelajar, nanti ibu bapa membuat laporan polis, sekarang sudah tahu perangai anak, baru nak dihantar kepada cikgu. Sekarang, rasakanlah ya, didiklah anak awak dari rumah.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Mengajar Monyeng membuat kerja rumah musim PKP!</i>)</p>
Data 9 (LD4)	<p><b><i>Hah, kitak mo laju nak? Mun kitak mau laju duduk kitak di sia diam-diam nun, jangan ngaco mek orang molah kereja. Makin kitak bisin kedak ia makin emosi kamek terganggu lambat kerja mek orang...</i></b></p> <p>Kamu nak cepatkan? Kalau kamu nak cepat, duduk diam-diam saja kamu di sana, jangan kacau kami buat kerja. Semakin kamu bising macam itu, semakin emosi kami terganggu, lambat kerja kami nanti...</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Pekerja kaunter vs customer</i>)</p>

Ujaran menerusi data 8 (LD3) dalam Jadual 6 menunjukkan lakuan direktif, iaitu mengarah. Dalam ujaran dengan tema pendidikan ini, penutur cuba memberi arahan kepada pendengar untuk bertindak dan melakukan sesuatu. Situasi tersebut mengisahkan seorang guru menegur seorang wanita yang menganggap bahawa guru tidak melakukan sebarang tugas dalam mengajar anak murid pada musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini menyebabkan guru tersebut mengujarkan ayat berbentuk sindiran, iaitu apabila anak didik mereka dimarah oleh guru, ibu bapa pelajar akan membuat laporan polis. Namun demikian, apabila PdP dilaksanakan di rumah akibat pandemik, ibu bapa sendiri berdepan dengan cabaran mengajar anak-anak dan merasai kesusahan menjadi seorang pendidik.

Data 9 (LD4) juga dikelaskan sebagai lakuan bahasa direktif dengan tujuan mengarah. Ujaran ini berbentuk ayat suruhan yang memberi arahan kepada seseorang untuk bertindak melakukan sesuatu. Kisah yang dipaparkan dalam video “Pekerja kaunter vs Customer” tersebut mengisahkan masalah yang sering berlaku di pusat perkhidmatan pelanggan. Watak pelanggan lakonan Cik Kemban menimbulkan ketidaksesuaian kepada para pekerja kaunter kerana sering ditanya tentang gilirannya untuk dipanggil. Keadaan tersebut berterusan, sehingga pekerja tersebut mengeluarkan kata-kata sindiran dan mengarahkan Cik Kemban untuk duduk dan bersabar menunggu giliran kerana takut keadaan sedemikian menganggu tugas para pekerja di kaunter tersebut.

**Jadual 7.** Lakuan bahasa direktif dengan fungsi “mencadang”

Lakuan Direktif (mencadang)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 10 (LD5)	<p><b><i>Hoi! Ingat tok drama Melayu kah? Sampe ja puni telur tembakul lalu lah munuh diri. Heran aku nang dalam ya jua nak di makan kau banyak lagi nok nyaman dalam dunia tok yang boleh dimakan bah!</i></b></p> <p>Hoi! Ingat ini drama Melayu kah? Takkanlah kempunan telur ikan tembakul terus nak membunuh diri. Hairan saya, dalam banyak-banyak benda tu juga awak nak makan, banyak lagi makanan sedap dalam dunia ini yang boleh dimakan.</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Batu belah batu bertangkup</i>)</p>

Menerusi Jadual 7, data 10 (LD5) menunjukkan bahawa ujaran tersebut berbentuk ayat cadangan. Penutur mencadangkan sesuatu kepada pendengar supaya mengambil tindakan sama ada bersetuju atau sebaliknya terhadap cadangan tersebut. Sepertimana dalam babak “Batu belah batu bertangkup” menerusi tema kemasyarakatan, Kesyarah didapati menegur, sekali gus mencadangkan kepada Cik Kemban untuk memilih makanan lain daripada berkelahi dengan anaknya, Monyeng kerana kempunan telur ikan tembakul, bahkan banyak lagi makanan yang lebih sedap daripada berebut untuk memakan telur ikan tersebut.

Data 10 (LD5) juga menggambarkan lakuan bahasa sindiran jenis sinisme. Menurut Keraf (2007), sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan atau ketulusan hati penutur. Sebagai contoh, ayat “...Sampe ja puni telur tembakul lalu lah munuh diri. Heran aku nang dalam ya jua nak di makan kau banyak lagi nok nyaman dalam dunia tok yang boleh dimakan bah!” mengandungi unsur ejekan kerana penutur menyatakan bahawa ada banyak lagi makanan lebih sedap daripada inginkan telur tembakul sehingga ingin bergaduh dan membunuh diri.

### Lakuan Bahasa Ekspresif

Ekspresif merupakan perlakuan tutur bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau emosi penutur. Ujaran yang mengandungi fungsi ini mendedahkan perasaan dan sikap penutur terhadap pendengar. Dalam kajian ini, lima jenis lakuan ekspresif ditemukan, iaitu meminta maaf, mengucapkan terima kasih, menuduh, menyatakan kemarahan, dan membantah. Jadual 8 hingga 12 menunjukkan lakuan bahasa ekspresif dalam kandungan saluran *YouTube NgekTsaiArmy Official* yang dimaksudkan.

**Jadual 8.** Lakuan bahasa ekspresif dengan fungsi “meminta maaf”

Lakuan Ekspresif (meminta maaf)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 11 (LE1)	<p>“Siapa nak jaga? Minta maaflah puan, tanggungjawab saya sebagai seorang cikgu adalah mendidik, yang menjaga anak ya awak. Baru awak tahu sengsara jadi pendidik nak? Tu baru sikit...”</p> <p>Siapa nak jaga? Minta maaflah puan, tanggungjawab saya sebagai seorang cikgu adalah mendidik, yang menjaga anak ialah puan. Baru puan tahu sengsara jadi pendidik kan? Itu baru sikit...</p> <p>(Sumber: <i>Mengajar Monyeng membuat kerja rumah musim PKP!</i>)</p>

Fungsi lakuan bahasa ekspresif seperti dalam data 11 (LE1), iaitu dengan tema pendidikan ini misalnya memperlihatkan ujaran penutur yang mengekspresikan perasaan meminta maaf kepada penerima ujaran. Ujaran maaf ini sendiri membawa maksud sindiran dan bersifat sinis kerana yang dimaksudkan oleh penutur sebenarnya berlainan dengan kenyataan memohon maaf seperti kelazimannya. Video tersebut mengetengahkan masalah tanggungjawab seorang guru yang disalahertikan oleh sesetengah ibu bapa. Ujaran dalam data 3 (LE4) tersebut dituturkan oleh seorang guru yang mengajar Monyeng di sekolah. Guru tersebut mengeluarkan kata-kata sindiran kepada Cik Kemban, iaitu ibu kepada Monyeng yang menyuarakan tentang tanggungjawab seorang guru yang pada hakikatnya bukanlah menjaga kebajikan pelajar sepenuhnya, namun tugas menjaga anak terletak di bahu ibu bapa. Sindiran yang digunakan oleh watak guru tersebut menggambarkan sebuah ejekan yang yang secara terus terang tanpa menjaga perasaan penerima ujaran tersebut. Ejekan seperti ini boleh mempengaruhi emosi seseorang yang ditujukan dan seterusnya mengakui akan kesilapannya.

**Jadual 9.** Lakuan bahasa ekspresif dengan fungsi “mengucapkan terima kasih”

Lakuan Ekspresif (mengucapkan terima kasih)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 12 (LE2)	<p>“Awak ingat kamek duak tok paloi kah? Terima kasihlah btw keraja membuktikan bahawa mask surgical lagi berkesan dari mask yang dijual awak, sik boleh kita nипу dalam bisness ko, sik berkat...”</p> <p>Awak ingat kami berdua ini bodohkah? Terima kasihlah keraja membuktikan bahawa pelitup muka pembedahan lagi berkesan dari pelitup muka yang awak jual, tidak boleh kita menipu dalam perniagaan, tidak berkat...</p> <p>(Sumber: <i>PKP 2 EP 1 Perniagaan yang tak diberkati!</i>)</p>

Data 12 (LE2) pula menunjukkan lakuan ekspresif mengucapkan terima kasih secara sindiran. Isu kemasyarakatan yang berlaku dalam video tersebut berkaitan dengan seorang perniaga yang memperkenalkan pelitup muka buatan terkini dan menguji tahap keberkesanannya pelitup muka tersebut kepada pelanggan. Peniaga tersebut menyatakan bahawa pelitup muka buatannya lebih baik daripada pelitup muka pembedahan yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebaik sahaja peniaga itu membuat uji kaji terhadap pelitup muka buatan itu, ternyata pelitup muka tersebut tidak berkualiti. Hal ini menyebabkan pelanggan tersebut berasa dipermainkan dan menganggap peniaga tersebut hanya menginginkan populariti dan meraih perhatian daripada masyarakat.

Ayat tersebut juga merupakan ayat sindiran “*Terima kasihlah*” yang mengandungi elemen ironi. Berdasarkan Keraf (2007), ironi ditakrifkan sebagai sebuah acuan makna yang berlainan daripada perkara yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Bahasa sindiran jenis ironi ialah sindiran yang diungkapkan oleh seseorang secara halus. Walau bagaimanapun, makna di sebalik ujaran itu mempunyai makna yang tajam. Berdasarkan Data 12 (LE2), penutur secara jelas mengucapkan terima kasih, namun pada masa yang sama menyindir pihak yang dilawan bercakapnya berkaitan keberkesanan produk yang dijual selain menekankan pentingnya keberkatan dalam perniagaan.

**Jadual 10.** Lakuan bahasa ekspresif dengan fungsi “menuduh”

Lakuan Ekspresif (menuduh)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 13 (LE3)	<p>“<i>Hah, baguslah ya! Lekak bersedekah kelak, ambik gambar orang miskin, kak ya post di media sosial pakei ditonton orang oh!</i>”</p> <p>Hah, baguslah tu! Lepas bersedekah nanti, ambil gambar orang miskin, lepas tu muat naik di media sosial untuk dijadikan tontonan orang ramai kan!</p> <p>(Sumber: PKP 2 Finale! Kebaikan yang disalah erti!)</p>

Data 13 (LE3) dalam Jadual 10 pula dapat dikategorikan sebagai lakuan ekspresif menuduh. Ujaran ini pada asasnya mempunyai maksud tersirat yang berkait dengan ujaran Mak Tanggang terhadap NgekTsai. Situasi yang berkait rapat dengan tema budaya tersebut berkisar kepada NgekTsai yang ingin membantu orang miskin dan membuat amalan bersedekah kepada golongan yang memerlukan. Sebelum NgekTsai pergi untuk melaksanakan kerja bantuan tersebut, Mak Tanggang sempat menyindir NgekTsai, iaitu dengan mengucapkan syabas kerana sanggup membantu orang yang dalam kesusahan. Mak Tanggang menganggap NgekTsai berbuat demikian hanya untuk meraih tontonan di media sosial dan tidak ikhlas dalam memberi sedekah. Perilaku seumpama ini menunjukkan sikap Mak Tanggang yang menyalah erti niat baik NgekTsai dalam membantu insan lain.

Ujaran dalam situasi tersebut jelas memaparkan budaya suka menilai seseorang tanpa melihat dari sudut kesungguhan dan niat seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Dari segi pengertian ayat, ujaran dalam data tersebut bersifat positif, namun mesej ini sebenarnya mengandungi maksud tersirat kepada penerima ayat sindiran, iaitu penutur berasa sangsi dengan kesungguhan yang dilakukan. Budaya seperti ini sering berlaku dalam golongan yang menyimpan hasrat dengki terhadap sesuatu perbuatan, terutamanya di media sosial. Lakuan bahasa sindiran tersebut dapat dirujuk sebagai sinisme. Menurut Caldwell (2011), sinisme merupakan reaksi menyindir bersifat berani atau bersifat mengejek berunsur kecurigaan yang mendalam terhadap seseorang yang mempunyai motif tertentu. Menerusi contoh yang diberikan, sinisme wujud dalam sindiran tajam bersifat ejekan kerana kesangsiannya terhadap pernyataan, keikhlasan dan kejujuran seseorang sepertimana yang dilakukan oleh Mak Tanggang terhadap NgekTsai.

**Jadual 11.** Lakuan bahasa ekspresif dengan fungsi menunjukkan “kemarahan”

Lakuan Ekspresif (kemarahan)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 14 (LE4)	<p>“<i>Hah! Baguslah buka aib laki ko, dasar bini derhaka!</i>”</p> <p>Hah! Baguslah buka aib suami awak, dasar isteri derhaka!</p> <p>(Sumber: Mash up! 5 isu full)</p>

Antara fungsi lakuan bahasa ekspresif adalah untuk mengekspresikan emosi seseorang kepada penerima ujaran tersebut, iaitu seperti ditunjukkan menerusi data 14 (LE4). Ujaran dalam tema kekeluargaan ini memperlihatkan unsur kemarahan. Video tersebut mengisahkan kehidupan berumah tangga yang penuh dengan kebencian dan kecurangan antara suami isteri. Disebabkan suami, iaitu watak yang dilakonkan oleh NgekTsai yang seorang kaki perempuan, isterinya sering memarahi suaminya kerana jarang pulang ke rumah. Pada ketika itu, NgekTsai balik ke rumah dan keluar semula sehingga isterinya hilang sabar dan bertindak merakam perbuatan suami untuk ditularkan dalam media sosial. Tindakan tersebut menyebabkan NgekTsai mengeluarkan sindiran mengandungi kata-kata kesat dan memarahi isterinya kerana cuba mengaibkan perbuatannya itu, “*Baguslah buka aib laki ko*”, di samping menggelarkan isterinya sebagai isteri yang derhaka kepada suami.

**Jadual 12.** Lakuan bahasa ekspresif dengan fungsi “membantah”

Lakuan Ekspresif (kemarahan)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 15 (LE5)	<p><i>“Dah lah kaki ampu, kaki jack, penipu gi ya! Nak bagus semua nya kau, jaik semua nya aku. Dah bila aku polah kerja, sik da orang nangga, bila aku rileks baru orang nangga! Boss pun sama juak, gila makan ampu makan dek puji!”</i></p> <p>Sudahlah kaki ampu, penipu lagi! Kalau bagus semua awak, kalau jahat semua saya. Apabila saya membuat kerja, tak ada pula yang melihat, bila saya berehat ada pula yang melihat! Bos pun sama juga, suka diampu, suka dipuji!</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Pengamal ajaran kaki ampu!</i>)</p>

Data 15 (LE5) menjelaskan lakuan direktif dalam bentuk membantah. Merujuk kepada ujaran dalam tema pekerjaan tersebut, NgekTsai yang memegang watak sebagai Kesyhar cuba untuk menjelaskan perkara sebenar yang berlaku di pejabat ketika majikannya tiada dan semua tugas yang diamanahkan telahpun diselesaikan dengan sebaik mungkin. Tetapi malangnya, Kesyhar menyuarakan bantahan terhadap penilaian oleh majikan dan rakan sekerta yang tidak memandang serius akan masalah buli di pejabat tersebut. Hal ini disebabkan majikan syarikat tersebut hanya memberi muka kepada pekerja yang suka memberi pujian ke atas penampilan dirinya dan menilai hasil kerja dengan cara yang tidak ikhlas.

**Lakuan Bahasa Komisif**

Komisif merupakan jenis perlakuan tuturan yang membuatkan penutur terikat kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Perlakuan ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu. Lakuan ini juga menyebabkan penutur melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan. Kajian ini menemukan satu jenis lakuan komisif, iaitu lakuan berjanji, seperti dipaparkan menerusi Jadual 13.

**Jadual 13.** Lakuan bahasa komisif dengan fungsi “berjanji”

Lakuan Ekspresif (kemarahan)	Ujaran dalam DMS dan terjemahannya dalam bahasa Melayu
Data 16 (LE6)	<p><i>“Yo rabbi, kacaknya ayat kau, time ko minjam duit dolok, manis mulut kau ah! Yo rabbi masalah ya, masalah tok! Pembulak besar kau! Nak ber hutang tapi sik mampu bayar, bukan nya janji nak bayar bulan tok bah. Nak kedak ya jenis kau tok orang ber hutang kedak kau macam kau jadi kedak raja, orang yang di hutang kau ya kedak pengemis, nagih hutang nya balit. Orang kedak kau ya sik boleh meri muka, rasa maok tumpar jak muka kau ya...”</i></p> <p>“Ya Rabbi, cantik bahasa, masa awak pinjam duit dulu, manis betul mulut awak! Ya Tuhan, masalah ini, masalah itu! Penipu besar awak. Nak ber hutang tapi tak mampu bayar, bukankah awak janji nak bayar bulan ini kan? Orang jenis awak ni, orang ber hutang macam awak, macam awak raja, orang yang di hutang macam pengemis, menagih hutang balik. Manusia macam awak ini, tak boleh diberi muka, rasa nak tumpar saja muka awak tu...”</p> <p style="text-align: right;">(Sumber: <i>Sejenis peng hutang yang tiada kemaluan</i>)</p>

Menerusi Jadual 13, data 16 (LK1) merujuk kepada lakuan bahasa komisif berjanji. Ujaran dalam video bertemakan kemasyarakatan ini mengisahkan seorang rakan kepada NgekTsai yang suka ber hutang. Walau bagaimanapun, hutang tersebut tidak dibayar dan rakannya selalu memberi alasan apabila NgekTsai cuba untuk menagih hutangnya semula. Sehingga suatu hari rakan serumah NgekTsai datang ke tempat kerja NgekTsai untuk mempertahankan hak NgekTsai. Contoh ujaran tersebut secara jelas mengandungi sindiran pada permulaan ayat, iaitu “Kacaknya ayat kau” dan “manisnya mulut kau”. Lakuan komisif berjanji berserta elemen sindiran turut terserlah menerusi ujaran selepasnya. Lakuan ini nyata tidak ditepati oleh individu tersebut sehingga menimbulkan kemarahan kepada si pemutang, justeru menuturkan sindiran yang agak kasar untuk melepaskan emosinya.

**PERBINCANGAN**

Lakuan bahasa sindiran ditentukan berdasarkan ciri tiga peserta yang terlibat iaitu, penyindir, pemerhati sindiran dan sasaran bagi sindiran tersebut. Lakuan bahasa sindiran merupakan pertuturan tidak langsung atau pertuturan bukan literal yang mengandungi maksud berlawanan dengan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Setiap kandungan atau jalan cerita yang dimuat naik dalam kandungan *YouTube NgekTsai Army Official* merupakan lakuan yang ingin ditunjukkan kepada pendengar (pembaca), dalam mencapai hajat tertentu, yang

cuba disampaikan oleh penutur, termasuklah sindiran. Menurut Munif Zariruddin Fikri Nordin (2015), proses penyampaian maklumat bahasa menjadi sumber perantaraan bagi manusia, dan hal ini turut berlaku dalam kandungan video dalam *YouTube NgekTsaiArmy Official*.

Dalam kajian ini, ujaran sindiran dialek Melayu Sarawak dapat dikategorikan ke dalam empat jenis lakuan bahasa, iaitu asertif, direktif, ekspresif, dan komisif. Dapatkan juga menunjukkan penutur melakukan ujaran sindiran dalam pelbagai lakuan yang membawa kepada tafsiran sindiran. Sebagai contoh, ujaran dalam bentuk lakuan bahasa asertif melibatkan lakuan seperti ‘menyatakan, mengadu, menegaskan, meyimpulkan, menafikan, mengaku’; lakuan bahasa direktif diujarkan dalam bentuk ‘mengarah, menasihat, melarang, mencadang, mengesyorkan, meminta’; lakuan ekspresif melibatkan lakuan ‘memohon maaf, kemarahan, membantah, mengucap terima kasih, mengucap taniah’; dan lakuan komisif diujarkan dalam bentuk ‘berjanji’. Kebanyakan lakuan bahasa sindiran ini dikaitkan dengan tema-tema yang yang diketengahkan, seperti kekeluargaan, kemasyarakatan, budaya, pendidikan, dan pekerjaan. Antara isu yang disentuh termasuklah isu ibu bapa dan guru dalam mengharungi cabaran pembelajaran dan pengajaran dari rumah sepanjang musim PKP, isu buli pekerja dan majikan, serta hubungan menantu dan mertua. Dalam hal ini NgekTsai dilihat mengetengahkan isu yang dekat dengan masyarakat dan secara tidak langsung dapat menarik minat pelayar *YouTube* beliau.

Ujaran sindiran yang digunakan oleh watak-watak yang dilakukan oleh NgekTsai juga dilihat dilakukan secara terbuka, langsung dan agak kasar. Sungguhpun wujud kata-kata yang agak kurang menyenangkan, namun dalam sesetengah konteks, tujuan penggunaan bahasa tersebut merupakan satu bentuk lakuan yang boleh dianggap positif dan mendatangkan manfaat kepada pelayar. Hal ini ditonjolkan menerusi lakuan bahasa direktif dengan fungsi menasihati dan membuat teguran seperti dalam Data 6 dan Data 7. Menerusi data tersebut, NgekTsai misalnya memberi peringatan agar berjimat cermat dalam perbelanjaan serta menunaikan tanggungjawab membayar hutang. Dalam hal ini, pelayar berkemungkinan akan terkesan dengan situasi dan isu yang diketengahkan.

## KESIMPULAN

Penyampaian pesanan, pengajaran dan nasihat menerusi platform *YouTube* oleh NgekTsai dengan mengangkat isu-isu semasa sebagai tema dalam video-videonya memperlihatkan satu gagasan pemikiran moden, seiring dengan perkembangan teknologi kini. Keperluan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum, terutama berkaitan dengan hal-hal kehidupan, budaya, kemasyarakatan, pendidikan, pekerjaan, dan kekeluargaan dilihat berjaya dilaksanakan oleh pemilik saluran *YouTube* ini. Sungguhpun gaya bahasa yang digunakan kebanyakannya bersifat sindiran, sinis dan sarkastik, namun perkongsian kandungan video NgekTsai menggunakan dialek Melayu Sarawak telah meraih perhatian ramai pengguna tempatan saluran berkenaan, dan hal ini menunjukkan watak-watak yang dimainkan oleh beliau berjaya menambat hati pengguna media sosial tersebut. Huraian lakuan bahasa yang sarat dengan sindiran turut memperjelas ragam bahasa masyarakat secara umum yang lazim menggunakan bahasa mereka, sesuai dengan konteks dan keperluannya.

## RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim, & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan bahasa kritikan dalam forum wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147-163.
- Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim, & Rohaidah Haron. (2019). Lakuan bahasa ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel Chedet.cc., *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 19 -27. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i5.253>
- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-18.
- Caldwell, W. W. (2011). *Cynicism and the Evolution of the American Dream*. Potomac Books, Inc.
- Chin Hoe. (2017, Jun 18). 5 Info menarik tentang Ngektsai. *Borneo di Hati*. <https://borneodihati.org/5-info-menarik-tentang-ngektsai/>
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. PT Gramedia Pustaka.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Batu belah batu bertangkup*. YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=Jjlbo-VwwSE>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Mash up! 5 isu full*. YouTube.  
[https://www.youtube.com/watch?v=q\\_9yen75xN8](https://www.youtube.com/watch?v=q_9yen75xN8)
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Menantu vs Mertua*. YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=Spau6zVRsMc>

- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Mengajar Monyeng membuat kerja rumah musim PKP!* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=247a9EhMrus>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Pekerja kaunter vs customer.* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=JePKn-ZWSIE>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Pengamal ajaran kaki ampu!* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=EdDDx8-ud5Q>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *PKP 2 EP 1 Perniagaan yang tak diberkati!* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=RQ05uCVLE8k>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *PKP 2 Finale! Kebaikan yang disalah erti!* YouTube.  
[https://www.youtube.com/watch?v=SfwUvNsR\\_IM](https://www.youtube.com/watch?v=SfwUvNsR_IM)
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Sejenis penghutang yang tiada kemaluan.* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=eKbUNGK9xRI>
- NgekTsaiArmy Official. (2023, 24 Februari). *Student vs netizen.* YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=T3kXkQbimy0YouTube>
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad, & G. Sharina Shaharuddin. (2020). Lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, 24(2), 001-016.
- Nur Atikah Ibrahim, & Maslida Yusof. (2020). Sindiran dalam media sosial: Perspektif lakuan bahasa. *Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 269-288.
- Nurul Syuhada Shuib, & Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika, 89(Issu Khas/Special Issue)*, 41-53. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-05>
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts an Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, & Karim Harun. (2017). Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163-178.